



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**LONG TERM RESEARCH GRANT SCHEME  
CONCEPT PAPER**

**Call For Proposal:**

**Research Scope:**

**Programme Title:**

**University: (Uni. 1) – (Uni. 2) – (Uni. 3)**

**Program Leader:**

**Project Leader:** 1..... (university)

2..... (university)

3..... (university)

**The concept paper shall indicate the title of the Call for Proposal chosen and the title of the research programme proposed. It must be concise (not exceeding 4,000 words in length), and cover the following aspects:**

**1. Executive Summary (maximum of 350 words)**

A brief overview of the proposed programme and its constituent projects that summarises the research background, problem statements, objectives, methodology, expected deliverables and their translational impact.

**2. Background and Rationale of the Proposal**

Provide a theoretically/scientifically grounded concept paper to justify the proposed research programme. The proposed research programme should address the listed research call. It should clearly state the expected contribution of the research outcomes to the chosen call.

### **3. Description of the Research Programme**

Provide an outline of the proposed research programme and its constituent projects, how they are linked and integrated. List the institutions involved and their respective expertise in implementing the projects. List the names of the project leaders and team members involved. Explain how multidisciplinary and inter-institutional collaboration will be managed to ensure that the projects contribute effectively to the overall objectives of the programme.

Evidence of collaboration with relevant stakeholder(s) to the intended research programme is to be provided (e.g. MOA, MOU, LOI, suitable engagements).

Include a list of existing laboratory facilities (where relevant) available for the research.

---

### **4. Research Methodology**

The proposal shall indicate the research methods, techniques and analyses to be used. It will show how the selected methods will produce the relevant data and findings that answer the research questions.

---

### **5. Evidence of Strength (Track Record) of the Research Group**

Evidence shall be provided to describe the research team's strength over the past five (5) years, such as Scival-Spotlight, h-index, citations of previous (relevant) research, and so on.

Evidence of previous relevant collaboration among the team members will be an advantage (e.g. joint research, joint publications).

(The research profile of the Program Leader and each Project Leader must be attached)

---

### **6. Expected Outputs/**

State the expected outputs from the programme in terms of deliverables of the call and the translational outcomes.

The translational outcomes would encompass the benefits from the programme to the identified stakeholders, in terms of buy-in and implementation.

The scholarly outputs include the number of Ph.D. students expected, number of publications, new technologies, intellectual properties, etc.

---

### **7. Budget**

State the expected budget (by vote) for the programme (inclusive of each individual project).



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## **SKIM GERAN PENYELIDIKAN JANGKA PANJANG KERTAS KONSEP**

### **Call For Proposal:**

### **Skop Penyelidikan:**

### **Tajuk Program:**

**Universiti: (Uni. 1) – (Uni. 2) – (Uni. 3)**

### **Ketua Program :**

**Ketua Projek: 1..... (universiti)**

**2..... (universiti)**

**3..... (universiti)**

**Kertas konsep hendaklah menyatakan tajuk panggilan kertas cadangan yang dipilih dan tajuk program penyelidikan yang dicadangkan. Ia mestilah ringkas (tidak melebihi 4,000 patah perkataan) dan merangkumi aspek-aspek berikut:**

### **1. Ringkasan Eksekutif (maksimum 350 patah perkataan)**

Satu gambaran ringkas tentang program yang dicadangkan serta projek-projek yang terkandung di dalamnya, yang merangkumi latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, objektif, metodologi, hasil yang dijangka serta impak translasi hasil tersebut.

---

### **2. Latar Belakang dan Rasional Cadangan Penyelidikan**

Sediakan kertas konsep yang berasaskan teori/sains untuk menyokong justifikasi program penyelidikan yang dicadangkan. Program penyelidikan ini harus menjawab panggilan kertas cadangan yang disenaraikan. Ia harus menjelaskan sumbangan yang dijangka daripada hasil penyelidikan kepada panggilan kertas cadangan yang dipilih.

---

### **3. Penerangan Program Penyelidikan**

Berikan rangka pelan pelaksanaan program penyelidikan yang dicadangkan dan projek-projek yang terkandung di dalamnya, serta bagaimana ia saling berkait dan disepadukan. Senaraikan institusi-institusi yang terlibat beserta kepakaran masing-masing dalam melaksanakan projek. Senaraikan nama ketua projek dan ahli kumpulan yang terlibat. Terangkan bagaimana kerjasama pelbagai disiplin dan antara institusi akan diuruskan bagi memastikan projek-projek tersebut menyumbang secara efektif kepada objektif keseluruhan program.

Bukti kerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan kepada program penyelidikan yang dicadangkan hendaklah disediakan (contohnya: MoA, MoU, LOI, atau bentuk libat urus yang sesuai).

Sertakan senarai kemudahan makmal sedia ada (jika berkaitan) yang boleh digunakan dalam penyelidikan ini.

---

### **4. Metodologi Penyelidikan**

Cadangan ini hendaklah menyatakan kaedah penyelidikan, teknik dan analisis yang akan digunakan. Ia perlu menunjukkan bagaimana kaedah yang dipilih akan menghasilkan data dan penemuan yang relevan untuk menjawab soalan penyelidikan.

---

### **5. Bukti Kekuatan (Rekod Pencapaian) Kumpulan Penyelidik**

Bukti hendaklah diberikan untuk menunjukkan kekuatan pasukan penyelidik dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu, seperti Scival-Spotlight, H-indeks, jumlah sitasi penyelidikan terdahulu (yang berkaitan) dan sebagainya.

Bukti kerjasama terdahulu dalam kalangan ahli pasukan juga merupakan satu kelebihan (contohnya: penyelidikan bersama, penerbitan bersama).

(Profil penyelidik bagi Ketua Program dan setiap Ketua Projek hendaklah dilampirkan bersama)

---

### **6. Jangkaan Output/Outcome**

Nyatakan jangkaan hasil/output daripada program penyelidikan ini dari segi hasil yang selaras dengan kehendak panggilan kertas cadangan serta hasil translasi.

Hasil translasi merangkumi manfaat program penyelidikan kepada pihak berkepentingan yang dikenal pasti, dari segi sokongan dan pelaksanaan.

Hasil ilmiah termasuk jangkaan jumlah pelajar Ph.D, jumlah penerbitan, teknologi baharu, harta intelek, dan lain-lain.

---

### **7. Bajet**

Nyatakan jangkaan bajet (mengikut vot) untuk program penyelidikan ini (termasuk bagi setiap projek penyelidikan).